

Headline	<b>Pompuan Dot Dot dapat pujian</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>26. May 2009</b>	Page No	<b>13</b>
Media Title	<b>Sinar Harian (Pahang)</b>	Article Size	<b>339 cm2</b>
Section	<b>NEWS</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>60000</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>0</b>	AdValue	<b>1868.84</b>



# Pompuan Dot Dot dapat pujian

**NORMAWATI MUHAMAD KASIM**

**A**uditorium Taman Budaya Negeri Pahang penuh sesak dengan penonton yang datang menyaksikan teater 'Pompuan Dot Dot' arahan Noor Idlah Abdul Halim.

Terbukti, teater ini amat mendapat sambutan dan menghiburkan penonton sehingga tidak ada yang berganjak dari tempat duduk masing-masing sejak pementasan teater ini bermula.

Sekali sekala, penonton tergelak dengan unsur-unsur komedi yang diselitkan sepanjang teater ini dipentaskan. Pelakon mampu menjwai watak yang dilakukan dan berjaya mengajak penonton untuk turut sama merasai perasaan yang ditunjukkan melalui ekspresi muka dan lakonan mantap pelakon.

Tidak sia-sia usaha Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Pahang menjemput Kumpulan Teater Taman Budaya Negeri Sembilan untuk mementaskan teater mereka di sini.

Teater yang mengisahkan tentang kepincangan hidup Zakiah yang bermula apabila

dia dirogol oleh abang kandungnya sendiri. Dia cuba mengadu kepada ibunya tetapi tidak diendahkan. Ibunya lebih memihak kepada abangnya walaupun ibunya tahu tentang kebenaran tersebut.

Ibunya membenci Zakiah kerana dia lahir hasil dari hubungan ibunya bersama ayah Zakiah yang tidak dicintai ibunya. Setelah dia didapati mengandung, dia dipaksa berkahwin dengan Rahim yang menerima dirinya walaupun tahu tentang sejarah silaminya.

Namun begitu, Zakiah tidak berasa bersyukur malah membenci suaminya. Dia menjadi seorang pendendam dan membenci lelaki. Dia sanggup mengenakan sihir kepada suaminya walaupun suaminya tidak bersalah malah baik terhadapnya.

Zakiah menjadi pelacur dan mempermainkan hidup lelaki kerana mahu membalas dendam. Dia hidup mewah melalui punca rezeki yang haram. Namun begitu, dia tidak bahagia dan dijangkiti Human Immunodeficiency Virus (HIV). Keadaannya semakin bertambah teruk dari sehari ke sehari.

Cerita ini berakhir dengan

tragis dan memberi keinsafan kepada penonton apabila Zakiah akhirnya insaf dan mengaku semua kesilapan kepada suaminya. Dia meninggal dunia di atas pangkuan suaminya dan penonton turut berasa terharu apabila suaminya sanggup memaafkan Zakiah sedangkan sudah terlalu banyak kesalahan yang telah Zakiah lakukan.

Menurut Noor Idlah, mesej yang diselitkan dalam teater ini adalah manusia tidak sepatutnya berputus asa walaupun diselubungi kisah hidup yang gelap.

"Peluang untuk berubah dan kembali ke pangkal jalan sentiasa ada selagi hidup masih ada. Dendam hanya akan membinasakan diri sendiri dan juga orang lain," katanya.

Pementasan teater ini dibarisi oleh 15 pelakon dan dibantu oleh 12 tenaga belakang tabir yang semuanya berasal dari Negeri Sembilan. Ini merupakan pementasan mereka kali kedua selepas pementasan yang pertama di Negeri Sembilan. Pelakon terdiri daripada gabungan pelakon yang berpengalaman dan pelakon baru yang bergabung tenaga dalam menjayakan teater ini.

**memberi keinsafan**

Tidak sia-sia usaha Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Pahang menjemput Kumpulan Teater Taman Budaya Negeri Sembilan untuk mementaskan teater mereka di sini

Headline **Pompuan Dot Dot dapat pujian**  
Date **26. May 2009**  
Media Title **Sinar Harian (Pahang)**

